

Sorok minyak masak dalam stor sampah

Helah peniaga Myanmar di pasar borong terbongkar selepas diserbu DBKL

Oleh **NORAFIZA JAAFAR**
KUALA LUMPUR

Minyak masak pekete bersubsidi antara barangan disita Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menerusi tindakan khas terhadap penjaja warga asing di Pusat Bandar Utara Pasar Borong Kuala Lumpur di sini.

Menurut DBKL, pelbagai jenis minyak masak pekete disembunyikan di dalam stor ruangan sampah oleh peniaga Myanmar.

"Barangan yang disita dipindahkan ke Setor Sitaan DBKL Jalan Lombong Taman Miharja Cheras untuk tindakan rekod dan dokumentasi," katanya menerusi perkongsian di Facebook.

Menurut kenyataan itu, operasi berkenaan menumpukan



Anggota penguat kuasa DBKL memunggah kotak minyak masak pekete yang disorok di stor sampah dekat Pasar Borong Kuala Lumpur.



pemantauan dan tindakan penguatkuasaan tegas terhadap premis serta aktiviti perniagaan borong sayur-sayuran, buah-buahan dan barangan runcit sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur.

"Pemeriksaan turut dilakukan ke atas premis perniagaan yang menggaji warga asing tanpa kebenaran dan menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen terutamanya warga Myanmar.

"Tindakan penguatkuasaan

ini akan diteruskan dari masa ke masa," katanya.

Dalam pada itu, menurutnya, sebanyak dua premis dikenakan tindakan kompaun kerana membuat halangan tred di kaki lima dan jalan awam, selain 17 tindakan sitaan atau pindah halangan turut dilakukan.

Tambah beliau, tindakan dilakukan di bawah Seksyen 46, Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 dan Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (WPKL) 2016 kerana menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen.